

**Salleh Seru Pemimpin Umno Usah Angkat Diri Untuk Buru Agenda Politik  
Bernama  
22 Januari, 2012**

KOTA BELUD, 22 Jan (Bernama) -- Pemimpin Umno tidak wajar memuji diri atau mendabik dada dengan pencapaian masing-masing dan menonjolkan diri supaya kelihatan begitu "istimewa" dalam memburu agenda politik, kata Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Seri Salleh Said Keruak.

Beliau berkata sebenarnya kejayaan yang dicapai setakat ini adalah hasil daripada pelaksanaan secara berkesan pelbagai dasar yang digubal parti itu sejak Merdeka.

Oleh itu, kata beliau, pemimpin Umno yang gemar mengangkat diri dan cuba melemahkan parti, tidak patut diberi tempat pada pilihan raya umum akan datang.

"Apa yang penting ialah kesetiaan kepada parti," kata Salleh pada perjumpaan dengan para pemimpin Umno Kadamaian daripada suku kaum Kadazandusun di sini, hari ini.

Sambil merujuk kepada seruan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kepada anggota Umno baru-baru ini agar mereka tidak "menikam dari belakang" calon parti itu pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata kesetiaan kepada parti amat penting sekiranya Umno, yang menjadi tulang belakang gabungan Barisan Nasional (BN) negeri ini, ingin mencatat satu lagi kemenangan besar di Sabah.

Sabah kekal sebagai "simpanan tetap" yang amat berharga bagi BN di Sabah. Pada Pilihan Raya Umum 2008, BN Sabah memenangi 24 daripada 25 kerusi parlimen dan 59 daripada 60 kerusi negeri yang dipertandingkan. Parti gabungan itu hanya kalah kerusi Parlimen Kota Kinabalu dan kerusi negeri Sri Tanjung.

Salleh, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, berkata sejak penubuhannya, Umno serta parti komponen BN lain, berjaya mengharungi pelbagai ujian dan disifatkan sebagai arkitek pembangunan negara.

Beliau juga menyeru para pemimpin Umno daripada suku kaum Kadazandusun di Kadamaian supaya bekerja keras untuk memastikan calon Parti Bersatu Sabah (PBS), yang mewakili BN, dapat mengekalkan kerusi negeri yang disandangnya dan meningkatkan jumlah majoriti untuk memudahkan kerajaan meneruskan agenda transformasinya demi kebaikan Sabah dan rakyatnya.

Kawasan Dewan Undangan Negeri Kadamaian kini diwakili Naib Presiden PBS Datuk Herbert Timbun Lagadan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641682>

